

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12 May 2015

# Najib jamin hasil GST untuk rakyat

UM-12/5/2015

Oleh THOMAS CHONG  
pengarang@utusan.com.my

## ■ PUTRAJAYA 11 MEI

DATUK Seri Najib Tun Razak memberi jaminan bahawa hasil tambahan yang diperoleh kerajaan melalui pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) akan digunakan untuk kebajikan rakyat dan negara.

Perdana Menteri berkata, apabila pendapatan negara bertambah, kerajaan akan memulangkan hasil tersebut secara telus kepada rakyat melalui pelbagai rancangan yang memberi manfaat kepada mereka.

“Rakyat nak tahu pertambahan hasil untuk tujuan apa? Kita bentangkan kepada rakyat bahawa duit tambahan ini kita gunakan untuk kebajikan rakyat dan negara. Saya beri jaminan bahawa ini merupakan hasrat kerajaan,” katanya ketika berucap dalam Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri-Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Najib yang juga Menteri Kewangan akan membentangkan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) pada 21 Mei ini.

Perdana Menteri berkata, walaupun GST mungkin tidak popular pada jangka pendek, tetapi kerajaan memerlukan punca kewangan



Walaupun GST mungkin tidak popular pada jangka pendek, tetapi kerajaan memerlukan punca kewangan yang dapat mengukuhkan pendapatan serta meningkatkan daya saing negara.”

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

yang dapat mengukuhkan pendapatan serta meningkatkan daya saing negara.

“Thailand telah menurunkan cukai korporat kepada 20 peratus dan Singapura meletakkan pada 17 peratus. Jika Malaysia nak jadi negara kompetitif, kita kena turunkan kadar cukai korporat dan cukai perseorangan,” katanya.

Ketika membentangkan Belanjawan 2015, Najib mengumumkan kadar cukai pendapatan individu dikurangkan satu hingga tiga mata peratus bagi tahun taksiran 2015 sementara kadar cukai pendapatan syarikat dikurangkan daripada 25 kepada 24 peratus bagi tahun taksiran 2016.

Pengurangan cukai tersebut dilakukan selari dengan pelaksanaan GST pada 1 April lalu.

Dalam pada itu Najib berkata, kerajaan akan memperbaiki kelemahan dalam pelaksanaan GST serta mengambil tindakan terhadap peniaga tidak bertanggungjawab yang menaikkan harga selain memberi penangan tambahan kepada rakyat.

“Kalau ada masalah, kita bagi masa (untuk selesaikan). Dalam tempoh masa terdekat ini, saya yakin kita dapat pulihkan keadaan yang merisaukan kita dengan syarat semua bekerjasama sebagai satu keluarga dan pasukan,” katanya.

Sementara itu Perdana Menteri berkata, penjawat awam tidak harus takut membuat keputusan yang baik walaupun hasilnya mungkin tidak kelihatan dalam jangka masa pendek.

“Yakinlah dalam jangka sederhana dan panjang, keputusan itu tepat. Kita dan semua tahu bahawa negara perlu cari hasil yang lebih mantap, sebab itu GST diperkenalkan,” katanya.

Beliau berkata, semua pihak juga mesti yakin bahawa apa yang dilakukan kerajaan khususnya melalui program transformasi telah menunjukkan hasil dan meletakkan negara di landasan dan momentum untuk capai status negara maju.

“Ranking Malaysia dalam penarafan antarabangsa termasuk oleh Bank Dunia semakin baik, keadaan ini bererti kita menjadi negara yang semakin kompetitif,” katanya.